

Mahasiswa punyai banyak ruang berpolitik - Radin Umar

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Mahasiswa mempunyai banyak wadah lain untuk menjadikan mereka lebih kritis dan kreatif selain terbabit dalam politik.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi (**gambar**) menegaskan, menghadkan penyertaan mahasiswa dalam politik juga tidak akan menjejaskan kualiti atau menjadikan mereka kurang pandai.

“Pandangan itu tidak betul kerana

pengajaran dan pembelajaran di kebanyakan universiti termasuk UPM berpusatkan kepada pelajar.

“Lagipun mahasiswa masih mempunyai banyak ruang lain untuk bersikap kritis tetapi ia tidak digunakan sepenuhnya,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas polemik penyer-



taan mahasiswa dalam politik ekoran keputusan Mahkamah Rayuan di Putrajaya baru-baru ini yang memutuskan Seksyen 15 (5) (a) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 terbatal dan melanggar Perlembagaan.

Radin Umar berkata, mahasiswa boleh menggunakan ruang berpersatuan dan kokurikulum berkredit mengasah bakat

dalam kepimpinan.

Malah, katanya, mahasiswa juga boleh menggunakan sudut pidato di setiap kolej dan media baru menyatakan pandangan masing-masing asalkan ia tidak menyalahi undang-undang.

Beliau turut mempersoalkan mengapa segelintir mahasiswa terlalu taksab kepada politik kepartian sedangkan masih banyak isu-isu yang boleh dibangkitkan mereka seperti kelestarian alam sekitar.